

Kerajaan perkenal KPI baharu buat KSU, Ketua Pengarah

PUTRAJAYA: Kerajaan bercadang memperkenalkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang baharu kepada semua ketua setiausaha (KSU) dan ketua pengarah (KP) di setiap kementerian serta agensi kerajaan.

Cadangan itu dimaklumkan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali yang mahu setiap projek kerajaan yang dijadualkan dapat disiapkan dalam masa ditetapkan walaupun berdepan ancaman wabak Covid-19.

Jelasnya, KPI itu bagi membolehkan pelaksanaan penilaian yang lebih baik dalam perkhidmatan awam, sekali gus mengubah budaya kerja lama ke arah lebih pantas.

“Saya tetapkan KPI itu kepada KSU dan KP bagi bersama-sama mengerakkan ekonomi. Kalau gagal mencapai tujuan itu, mereka hendaklah memberi sebab serta alasan munasabah untuk dipertimbangkan oleh jawatankuasa di peringkat saya dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA),” katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan Program Kelestarian Malaysiaku Indah



MOHD. ZUKI ALI (tengah) yang diiringi Yang Dipertua PUSPANITA, Puan Sri Norizam Che Mohd. Nor (kanan) membuat gimik menanam pokok dalam Program Kelestarian Malaysiaku Indah di Taman Wetland, Putrajaya semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

di Taman Wetland, Putrajaya di sini semalam.

Program itu dianjurkan oleh Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (Puspanita) dengan kerjasama Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan (Maksak) serta Ja-

batan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Menerusi program itu, pihak kerajaan menyasarkan sebanyak 100 juta pokok ditanam di seluruh negara bagi menyokong aspirasi kerajaan menghasilkan ekosistem hijau yang lebih mampan.